

Transit di lokasi 'terpencil' seludup syabu



Chik Omar (kanan) menunjukkan dadah yang disorok dalam ruangan khas bagasi pada sidang media r di Sepang, semalam.

[FOTO AHMAD IRHAM MOHD NOOR/BH]

Sepang: Transit bagasi di lapangan terbang yang tidak mempunyai kelengkapan mencukupi seperti mesin pengimbas, menjadi modus operandi terbaharu untuk menyeludup dadah ke negara ini tanpa dikesan.

Pengarah Kastam, Lapangan

Terbang Antarabangsa* Kuala Lumpur (KLIA), Datuk Chik Omar Chik Lim, berkata mereka yang tiba di negara ini memilih untuk transit di beberapa lapangan terbang di lokasi 'terpencil' bagi mengelak pemeriksaan teliti pihak berkuasa.

"Dalam kes terbaharu, suspek yang tiba dari Lagos, Nigeria pada jam 12.20 pagi 29 Januari lalu di KLIA dan transit di Miri, Sarawak pada jam 9.25 pagi hari yang sama, sebelum meneruskan perjalanan ke Mulu, Sarawak.

Bagasi ditahan di KLIA

"Bagaimanapun, sehari selepas itu, pada jam 10.10 pagi, suspek kembali ke Miri dari Mulu dan 'terbang semula' ke KLIA pada jam 11.25 pagi selepas mendapati bagasi tidak sampai ke tangan di Mulu. Bagasinya ditahan di KLIA pada 31 Januari lalu selepas imbasan menemui imej yang mencurigakan.

"Suspek kemudian meminta syarikat penerbangannya menghantar bagasi ke hotel tempat penginapannya di Kuala Lumpur tetapi suspek kembali ke Lagos pada 2 Februari lalu, mungkin kerana mengesyaki perbuatannya berjaya dikesan," katanya pada satu sidang media, di sini.

Chik Omar berkata, beliau membuat kesimpulan itu kerana suspek sepatutnya dijadualkan pulang ke Lagos pada malam 7 Februari lalu berdasarkan maklumat pada tiket.

Katanya, pemeriksaan anggota Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menemui serbuk putih disyaki syabu yang diisi dalam 25 beg kecil dan disorok dalam bagasi berkenaan.